

23/06/2001

Pas mahu hapus Mahkamah Sivil

KUALA TERENGGANU, Jumaat - Pas akan menghapuskan Mahkamah Sivil bagi membolehkan Mahkamah Syariah berfungsi sepenuhnya dalam perundangan jika diberi peluang memerintah negara, kata Timbalan Presiden Pas, Abdul Hadi Awang.

Beliau berkata, Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah akan disatukan manakala masyarakat bukan Islam boleh mewujudkan mahkamah sendiri mengikut undang-undang mereka jika mempunyai peruntukan undang-undang tersendiri.

"Pas sering mengadakan perbincangan dan dialog akademik serta politik dengan masyarakat bukan Islam bagi menerangkan kaedah perundangan yang akan diguna pakai jika berpeluang memerintah negara.

"Kita (Pas) hairan mengapa orang Islam sendiri tidak yakin dengan syariah Islam. Undang-undang yang diamalkan sekarang adalah undang-undang Inggeris, bukannya perundangan orang Melayu, Cina mahupun India," katanya.

Beliau berkata demikian, ketika diminta mengulas ucapan dasar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perhimpunan Agung Umno 2001 semalam yang menimbulkan 17 persoalan untuk parti itu.

Abdul Hadi mendakwa masih banyak peruntukan undang-undang negara bercanggah dengan Islam, dengan memberi contoh kes guru agama di Kedah yang mengamalkan ajaran Qardiani pada tahun 70-an, apabila Mahkamah Tinggi membatalkan keputusan Mahkamah Syariah negeri berkenaan.

"Malaysia bukan sebuah negara Islam, tetapi negara orang Islam, negara Islam mendaulatkan syariah Allah dengan menjadikan al-Quran dan sunnah sebagai panduan," katanya.

Beliau yang ditanya mengenai negara Islam di dunia yang mengamalkan sepenuhnya perundangan Islam berkata, masyarakat perlu sedar sebahagian besar negara Islam di dunia dijajah tetapi beberapa daripada mereka seperti Arab Saudi, Iraq dan Sudan hari ini berusaha kembali kepada Islam.

Katanya, negara berkenaan boleh dianggap negara Islam kerana mendaulatkan syariah walaupun terpaksa melalui proses yang lama.

Sementara itu, Presiden Pas, Datuk Fadzil Mohd Nor, meminta Dr Mahathir merujuk manifesto pembangkang pada pilihan raya umum 1999 yang didakwa mengandungi butiran lengkap pemerintahan yang bakal diterapkan pakatan pembangkang.

Beliau mendakwa manifesto bersama itu menjelaskan secara terperinci bentuk kerajaan dan pemerintahan yang dirancang pakatan pembangkang jika menang pilihan raya.

Katanya, pemerintahan yang dirancang itu berdasarkan Perlembagaan negara dan parti.

"Minta dia (Dr Mahathir) baca manifesto bersama kita yang lalu atau tunggu manifesto (pembangkang) untuk pilihan raya umum 2004.

"Kita sudah jelaskan dalam manifesto itu bentuk kepemimpinan dan kerajaan yang akan ditubuhkan," katanya ketika dihubungi.

(END)